

**KEPUASAN PENGHUNI TERHADAP KAWASAN KEJIRANAN YANG  
DIDIAMI DI KAWASAN PERUMAHAN KOS RENDAH 1 TINGKAT,  
TAMAN UNIVERSITI, SKUDAI, JOHOR DARUL TAKZIM.**

**LIYANA JALWATI BINTI ALIAS**

Laporan Projek Sarjana Muda ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**April 2009**

## ABSTRAK

Kajian kepuasan penghuni terhadap kawasan kejiranan yang didiami merupakan salah satu bidang perancangan fizikal dan sosial yang mampu menjadi asas kepada pembangunan kawasan perumahan secara amnya, dan khususnya kepada pembentukan sesuatu komuniti. Persoalan kajian amat berkait rapat dengan persepsi dan harapan penduduk terhadap kawasan kejiranan yang mereka diami. Dengan mengadaptasikan indikator daripada pengkaji terdahulu, soal selidik di jalankan kepada 200 responden yang mendiami lima zon kawasan perumahan kos rendah 1 tingkat Taman Universiti, Skudai. Skop kajian tertumpu kepada tahap kepuasan penghuni terhadap tiga aspek utama iaitu aspek kejiranan, aspek perumahan, dan aspek keselamatan. Kajian ini secara tidak langsung dapat menjadi satu medium kepada penghuni untuk menyuarakan pandangan dan tahap kepuasan mereka terhadap kawasan kejiranan yang mereka diami. Hasil penemuan di analisis menggunakan kaedah Skala Likert untuk mengenal pasti purata (min) bagi setiap kriteria yang di soal selidik dan dipersembahkan mengikut zon. Didapati purata (min) skor bagi tahap kepuasan setiap zon adalah lebih kurang sama iaitu daripada 23 kriteria yang di soal selidik, responden di kelima-lima zon berpuas hati terhadap 11-14 kriteria. Meskipun terdapat beberapa perkara yang menjadi rungutan penduduk seperti struktur fizikal rumah yang kecil, reka bentuk rumah yang tidak menarik, dan peningkatan kes jenayah yang berlaku, 141 responden memilih untuk kekal menetap daripada berpindah ke taman perumahan yang lain. Ini kerana konsep dan prinsip pembangunan Taman Universiti dilihat hampir menyerupai dengan konsep kejiranan yang di perkenalkan oleh Clarence A.Perry dan Clarence Stein yang menekankan kepada perletakkan kemudahan awam dalam lingkungan berjalan kaki untuk memberikan kemudahnya yang tinggi kepada penghuni. Idea dan konsep kejiranan yang diaplikasikan merupakan antara idea pembangunan perumahan yang paling berkesan dalam mewujudkan semangat kejiranan.

## **ABSTRACT**

Research on residents' satisfaction towards their neighbourhood area is one of the many physical and social aspects of urban planning which in general, is also the basis for housing developments; particularly in community development. The research questions outlined in the present study has a very close relation in gauging the perceptions and expectations of the residents toward their neighbourhood areas. By adapting the indicators of previous researches into the questionnaire of the present study, 200 respondents residing within the five zones containing single-storey low cost housing in Taman Universiti, Skudai were selected as samples. The scope of the study focuses on the residents' satisfaction towards three main domains including the aspect of neighbourhood, the aspect of housing and the aspect of safety. The present research has indirectly becomes a medium for the current residents to have a voice by stating their opinions and satisfaction level towards the surroundings of their immediate neighbourhood areas. The research findings were analyse using Likert Scale to identify average score (mean), and presented in accordance to the five zones outlined. It is found that the average score (mean) of satisfaction level towards the immediate neighbourhood areas were almost the same which is out of 23 criteria's, most of the respondents in the five zones satisfied to 11-14 criteria's. Even though the residents expressed their dissatisfactions toward a few aspects, i.e. small physical structure of the housing units, uninteresting housing design and the increasing crime rate, 141 respondents were still unwilling to move to other housing areas. This may be due to the fact that the development concept of Taman Universiti has been seen as having similarities with the Neighbourhood Unit Concept introduced by Clarence A. Perry and Clarence Stein; which emphasizes on the arrangement of public facilities within a short walking distance radius in order to achieve great accessibility. The application of ideas and concepts into the development of neighbourhood areas such as this were deemed as having succession in creating a better sense of community.